

PANDUAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon adalah warganegara Malaysia yang akan bergraduasi pada 2022 (Majlis Konvokesyen November 2022).
2. Pemohon perlu membaca kriteria pencalonan Hadiah Buku Inovasi MTDC.
3. Pemohon perlu memaklumkan kepada penyelia masing-masing tentang permohonan yang dibuat.
4. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan di *google form*.
5. Pemohon perlu menyediakan video bicara tuntas (*pitching*) berdurasi 3 minit dalam bahasa yang mudah difahami (*layman term*) yang menerangkan:
 - Rumusan keseluruhan projek penyelidikan dengan menyatakan permasalahan kajian (*problem statement*), objektif penyelidikan dan penyelesaian masalah.Pemohon sangat digalakkan menjawab persoalan ini dalam video bicara tuntas:
 - a. Adakah penyelidikan dijalankan novel/inventif?
 - b. Adakah penyelidikan menghasilkan pengubahsuaian/peningkatan/pengembangan baru yang akan menghasilkan produk, sistem, reka bentuk, bahan atau proses baru.
 - c. Adakah penyelidikan menyelesaikan masalah/keperluan semasa dan adakah output penyelidikan mempunyai impak yang signifikan kepada masyarakat/ekonomi/polisi atau perundangan?
 - d. Adakah penyelidikan ini memenuhi keperluan pasaran?
 - e. Adakah penyelidikan menghasilkan prototaip/“*proof-of-concept*”?
 - f. Apakah penyelidikan dilakukan dengan kerjasama/ atau dibincangkan dengan rakan industri atau pihak berkepentingan lain?Video atau pautan video ini hendaklah dimuatnaik di *google form* (borang permohonan).
6. Tempoh permohonan: 30 Jun 2022 – 4 Ogos 2022.
7. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada awardsandscholarship@ukm.edu.my dengan menamakan tajuk emel “Pertanyaan Mengenai Hadiah Buku Inovasi MTDC 2022”
8. Keputusan jawatankuasa pemilihan Hadiah Buku Inovasi MTDC 2022 adalah muktamad.